

NO. SOALAN: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]
TARIKH : 21.3.2017 (SELASA)

Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah aduan dan tindakan yang telah diambil terhadap peniaga yang melanggar peraturan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 sejak akta tersebut dikuatkuasakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** dan mula kuatkuasakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014** pada **1 Januari 2015** untuk bertindak ke atas peniaga yang mencatut atau mengambil keuntungan yang berlebihan.

Dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2016, Kementerian telah menerima sejumlah **8,533** aduan yang berkaitan dengan isu harga.

Kementerian menerusi **OPS CATUT** yang bermula 15 Januari 2015 hingga 31 Disember 2016, telah melaksanakan tindakan tegas ke atas peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana mencatut. Penguatkuasaan operasi ini meliputi semua peringkat perniagaan di pasaran.

Sehingga **31 Disember 2016** sebanyak **2,185,177** pemeriksaan telah dilaksanakan ke atas perniagaan di seluruh negara. Tindakan kes yang telah diambil di bawah pelbagai kesalahan adalah sebanyak **12,066 kes** dengan **jumlah rampasan** bernilai **RM11,256,956** dan keseluruhan **nilai kompaun** dikenakan sebanyak **RM1,940,317**.

Sebanyak **6,735 kes** telah dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu **406 kes** di bawah kesalahan **mencatut dalam menjual atau membekalkan barangan dan perkhidmatan**, manakala **6,329 kes** di bawah kesalahan **tidak**

meletakkan tanda harga atau senarai harga bagi barangan yang dijual.

Daripada jumlah ini, sebanyak **47 kes kesalahan mencatat telah didakwa di Mahkamah** dengan jumlah keseluruhan denda **RM830,000**. Manakala sebanyak **26 kes telah dikompaun** dengan jumlah keseluruhan kompaun **RM207,000**.